

# Konsep Insan Moral Menurut Acuan Malaysia

Noor Hisham Md Nawi

## ***Abstract***

*Malaysia has a clear vision to build a society which possesses unique identity based on ethics system and good values. Realizing the background of Malaysia as a multicultural country, conceptualization of morally educated person is not an easy task. This essay tries to promote the concept of morally educated person by referring to the philosophical framework of moral and ethics according to the Malaysian mould. The development of the framework considers critically all crucial pillars in the country such as eternal principles from teachings of main religions, local community cultures and values, global humanity values dan current world development. The concept of morally educated person is built based on three components; religion, moral and ethics philosophy, and integrated human concept. These three components together will produce a morally educated person model according to Malaysian mould which consists of content, form and dimension. This effort is hoped would be able to enrich discussion about morally educated person concept according to Malaysian perspective.*

***Keywords*** Ethical values, moral values, Malaysian education.

## ***Abstrak***

Malaysia mempunyai visi yang jelas tentang bagaimana membina sebuah masyarakat yang mempunyai identiti yang unik diasaskan kepada sistem etika dan nilai-nilai baik. Menyedari tentang latar belakang Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum, adalah sukar untuk membina konsep nilai-nilai moral seorang yang berpendidikan. Kertas kerja ini cuba untuk membina konsep seorang insan yang berpendidikan moral dengan merujuk kepada kerangka falsafah tentang moral dan etika mengikut acuan Malaysia. Pembinaan kerangka ini memberikan pertimbangan secara kritikal semua rukun penting pelbagai kaum dalam negara, seperti prinsip kekal daripada ajaran agama terpenting, kebudayaan masyarakat tempatan, nilai-nilai sejagat yang diasaskan kepada perkembangan dunia semasa. Konsep seorang insan moral diasaskan kepada tiga bahagian: keagamaan, moral

dan falsafah etika dan penyatuan konsep manusia. Diharapkan model yang berasaskan tiga bahagian ini dapat diaplikasikan untuk melahirkan seorang insan moral mengikut acuan Malaysia yang merangkumi kandungan, bentuk dan dimensi. Usaha ini diharapkan dapat mencetuskan perbincangan mengenai konsep insan moral yang berpendidikan dari perspektif Malaysia.

**Katakunci** Nilai etika, nilai moral, pendidikan Malaysia.

## PENDAHULUAN

Manusia boleh berubah bahkan sentiasa berubah. Pada masa yang sama, terdapat beberapa aspek pada diri manusia yang jarang berubah atau tidak berubah langsung. Sebagai contoh, perkembangan masa menyebabkan fizikal manusia termasuk tahap kekuatannya sentiasa berubah-ubah. Namun pada waktu yang sama, terdapat beberapa nilai teras diri yang tidak atau jarang sekali berubah. Persoalannya, siapa yang menghakimi atau menilai perubahan itu. Dalam perbincangan falsafah, komponen aksiologi dianggap sebagai kemuncak tajuk perbincangan atau berada di muara dalam sungai perdebatan falsafah. Nilai dikatakan tidak wujud secara nyata tetapi manusia yang memberikan nilai, mengubah atau mengekalkannya. Benarkah begitu?

Ini menjadikan isu moral dan etika tidak pernah lapuk. Ia akan sentiasa dibincang dan diperdebatkan selagi mana berlangsungnya kehidupan manusia di alam ini. Ibnu Khaldun dalam mukaddimahnya yang terkenal mengaitkan nilai dengan jatuh bangunnya sesuatu peradaban. Dalam konteks Islam, misi utama perutusan Nabi Muhammad sebagai rasul terakhir adalah untuk menyempurnaan akhlak dan moral manusia.<sup>1</sup> Semua agama langit dan dunia mengakui betapa pentingnya nilai keyakinan, kebenaran, kebaikan dan menganjurkan segala macam nilai yang mulia dan melarang nilai yang hina dan rendah. Walau bagaimanapun pengertian setiap nilai tersebut berbeza kerana kerangka rujukan besarnya juga berbeza. Nilai kebenaran dan kebaikan adalah dua nilai yang sentiasa ditaakuli manusia dengan kepelbagaian bentuk, spektrum, kedalaman dan keluasannya. Bentuk kefahaman yang berbeza akan melahirkan amalan dan penghayatan yang berbeza.

Penulis berpandangan bahawa pelaksanaan dan pendekatan pendidikan nilai untuk warganegara Malaysia masih banyak ruang kelemahannya. Meskipun Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan dengan jelas bentuk rupa insan yang ingin dilahirkan, sistem perlaksanaan dan hasil yang diraih belum boleh dibanggakan. Dalam konteks Malaysia, pendekatan pendidikan nilai dalam kalangan warganya bersifat dualis. Secara amalannya, pelajar Islam menerima pendidikan nilai melalui pengajian agama. Manakala pelajar bukan Islam pula mendapat pendidikan nilai berorientasikan nilai-nilai murni sejagat yang diterima oleh semua kaum dan agama. Konsep pengasingan ini

diteruskan di Instituti Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) apabila Akta Lembaga Akreditasi Negara (LAN) 1996 dikuatkuasakan<sup>2</sup>. Keadaan ini menjadikan seolah-olah konotasi pendidikan moral di Malaysia dikaitkan dengan pelajar bukan Islam dan pelajar Islam pula dikaitkan dengan istilah pendidikan akhlak. Implikasinya ialah terma akhlak berorientasikan agama dan moral pula berorientasikan nilai-nilai murni yang global. Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pula mengambil pendekatan yang berbeza. Pengukuhan pendidikan nilai di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tidak lagi dilakukan secara terpisah seperti sebelumnya apabila semua pelajar diwajibkan untuk mengambil kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dan Hubungan Etnik. Dalam konteks Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), kedua-dua kursus tersebut telah digantikan dengan kursus baharu iaitu Kenegaraan dan Pembangunan Sahsiah. Keberhasilannya belum dapat dipastikan.

Berdasarkan latar belakang tersebut, timbul pelbagai pertanyaan yang perlu dijawab secara jujur dan kritis. Antaranya ialah mengapa wujud perbezaan dalam menangani isu pendidikan nilai antara pelajar IPTA dan IPTS? Adakah pendekatan Malaysia yang membezakan pendekatan pendidikan nilai dalam kalangan pelajar Islam dan bukan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah merupakan kaedah yang terbaik? Adakah konsep insan bermoral bagi pelajar Islam dan bukan Islam selaras atau jauh berbeza? Adakah kursus pendidikan nilai di IPT memberi satu gambaran yang memadai dan piawai tentang konsep insan yang baik atau bermoral menurut acuan Malaysia? Keadaan menjadi semakin rumit apabila berlakunya konflik nilai yang melibatkan isu-isu moral yang kompleks seperti pertembungan nilai agama dan norma generasi baharu, nilai kenegaraan dan hak asasi manusia dan seumpamanya. Sebagai contoh, masyarakat menjadi bingung apabila nilai menjunjung tinggi keluhuran perlembagaan dan mematuhi undang-undang dipertentangkan dengan nilai ketaatan kepada pemerintah. Bahkan kekaburuan konsep insan bermoral turut melanda golongan intelektual di IPT yang berjaya melahirkan manusia cerdik akalnya tetapi miskin jiwa dan budinya. Penulisan ini tidak menafikan bahawa setiap individu mungkin mempunyai kerangka konsepsual yang tersendiri tentang konsep insan moral bagi dirinya. Namun persoalan yang dibangkitkan ialah ketepatan dan keselarasan piawai yang diguna pakai. Ketidakselarasan tentang konsep insan bermoral dalam kalangan warga Malaysia sesungguhnya akan mengundang banyak masalah.

Dengan latar belakang tersebut, semakan semula terhadap kerangka falsafah moral dan konsep insan moral menurut acuan Malaysia menjadi sangat penting dan mendesak. Tulisan yang sederhana ini adalah satu percubaan untuk mengangkat perbahasan tentang konsep insan moral menurut acuan Malaysia yang boleh diterima oleh semua pihak secara terbuka dan berlapang dada serta boleh dijadikan sandaran khususnya kepada bakal guru-guru pendidikan moral.

## DEFINISI KONSEP

Tidak mudah untuk mendefinisikan konsep insan bermoral secara tepat. Konsep insan itu sendiri pun mempunyai pelbagai pengertian mengikut aliran pemikiran, disiplin ilmu dan kefahaman agama. Demikian juga bagi konsep moral. Menurut Thiroux (1998), moral berasal dari perkataan Latin iaitu *mores* yang merujuk kepada makna kelakuan atau kawalan tingkah laku seseorang atau sekelompok individu dan bersifat praktikal. Walaupun moral boleh didefinisikan namun konsep, kandungan, skop dan bentuk di dalamnya sangat rencam. Inti pati konsep moral ialah hakikat atau realiti makna baik dan kebaikan bagi manusia. Gabungan kedua-dua konsep tadi menghasilkan konsep baru iaitu insan bermoral.

Konsep insan bermoral adalah suatu gambaran atau potret insan yang baik atau insan yang memiliki sifat-sifat yang mulia dan nilai-nilai yang murni. Walaupun apa yang dikatakan baik atau mulia itu berbeza-beza pengertiannya menurut pelbagai aliran pemikiran dan ajaran agama, namun secara amnya manusia sejagat boleh bersetuju bahawa insan yang baik mempunyai ciri-ciri tertentu yang positif, bersifat universal dan diterima umum sepanjang sejarah kehidupan manusia. Dalam tulisan ini, insan bermoral tidak merujuk kepada aliran pemikiran atau agama tertentu secara khusus tetapi bermaksud suatu faham tentang konsep insan yang memiliki ciri-ciri tertentu yang membawa kepada pengiktirafan memiliki keperibadian tinggi dan mulia yang diakui oleh ajaran agama, akal yang sihat, norma masyarakat tempatan dan antarabangsa secara global. Acuan Malaysia pula membawa makna bahawa konsep insan bermoral yang dibincang sebelumnya seharusnya sesuai dengan wawasan dan aspirasi negara Malaysia yang terdiri daripada masyarakat pelbagai bangsa, bahasa, budaya dan agama. Ini menjadikan konsep insan moral menurut perspektif Malaysia mempunyai acuan dan modelnya yang tersendiri dan seharusnya terpakai untuk semua warganegaranya di setiap lapisan dan peringkat tanpa sebarang pengecualian.

## KERANGKA FALSAFAH MORAL DAN ETIKA ACUAN MALAYSIA

Untuk membentuk konsep insan bermoral menurut acuan Malaysia, sewajarnya ia bermula dengan kerangka falsafah moral dan etika menurut acuan negara itu sendiri. Tanpa kerangka falsafah yang mantap, konsep insan bermoral yang ingin dibina tidak akan mampu bertahan lama dan diterima baik oleh seluruh warganya. Perkataan falsafah adalah merujuk kepada istilah Yunani 'philo' (cinta) dan 'sophos' (kebijaksanaan) yang bermakna cinta kepada kebijaksanaan atau kebenaran. Falsafah juga dianggap sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar kepada ilmu-ilmu lain. Bagaimanapun pengertian falsafah


yang popular ialah berfikir secara radikal, mendalam, sejagat dan integral tentang sesuatu perkara. Menurut Barchalow (1994), objek falsafah terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu ontologi, epistemologi dan aksiologi yang terkandung di dalamnya soal etika dan estetika. Istilah kerangka digunakan untuk menunjukkan bahawa pembinaan falsafah tersebut masih berada pada tahap teoritikal dan perbincangan mengenainya masih berlangsung.

Pembentukan kerangka falsafah moral dan etika acuan Malaysia seharusnya berasaskan agama, nilai, budaya, sejarah dan tamadun bangsa Malaysia. Bangsa Malaysia di sini adalah merujuk kepada semua warganegara Malaysia yang sah. Untuk mengelakkan kekeliruan tentang konsep moral dan etika, semua warganegara Malaysia perlu mempunyai kefahaman yang jelas dan tepat tentang makna akhlak, moral, etika, fungsi, tuntutan dan implikasi setiap daripadanya. Pembinaan bangsa Malaysia yang teguh dan bersatu-padu memerlukan seluruh rakyat Malaysia mempunyai kerangka konsepsual moral dan etika yang sama. Menurut Robertson (1987), nilai yang ingin diangkat sebagai norma seharusnya merupakan gagasan yang dikongsi bersama seluruh anggota masyarakat mengenai kebaikan, hak dan perkara yang diingini. Penyelarasan kefahaman konsep insan bermoral menurut acuan Malaysia sangat sukar untuk dilaksanakan kecuali ia dirujuk kepada falsafah moral dan etika yang sama. Dengan lain perkataan, tiada pengasingan dibuat antara Islam dan bukan Islam sebagaimana Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang digunakan oleh semua pelajar di Malaysia. Pengertian moral yang merujuk kepada nilai-nilai murni sejagat dan akhlak sebagai manifestasi perlaksanaan syariah dan keyakinan tauhid tidak perlu lagi diajar secara berasingan. Justeru, tidak timbul lagi bahawa pendidikan moral dan etika hanya untuk kelompok tertentu sahaja. Konsep moral, etika dan akhlak dan cabangannya perlu dibincang secara terbuka, bijaksana dan berlapang dada.

Dengan mengambil kira beberapa pandangan ilmuan sebelumnya khususnya Abdul Rahim Abd. Rashid (1993), Musak Mantrak (1997), Mohd Yusuf Hasan (2003 & 2004), dan Nik Azis Nik Pa (1997), penulis mencadangkan komponen berikut untuk dijadikan sebagai teras binaan kepada kerangka falsafah moral dan etika acuan Malaysia.

- a. Prinsip Rukunegara
- b. Prinsip Masyarakat Islam Hadhari<sup>3</sup>
- c. Falsafah Pendidikan Negara
- d. Himpunan nilai, tradisi, budaya dan agama yang dikongsi bersama oleh masyarakat majmuk di Malaysia
- e. Nilai-nilai kemanusiaan sejagat
- f. Nilai-nilai luar (peradaban Barat atau Timur) yang bermanfaat dan baik tetapi perlu diolah semula supaya sesuai dengan nilai agama, budaya dan norma masyarakat tempatan.

Kesemua komponen tersebut hendaklah dilaksanakan dalam keharmonian tiga dimensi iaitu hubungan manusia dengan Pencipta (ilmu agama), hubungan manusia sesama manusia (ilmu kemanusiaan) dan hubungan manusia dengan alam sekitar (ilmu sains tabie) (Tajul Ariffin Noordin, 1990). Kesemua komponen tersebut juga perlu dilihat secara menyeluruh, bersepadau dan harmoni. Untuk mendapat gambaran yang jelas, sila lihat gambar Rajah 1.



Rajah 1

Berdasarkan kerangka tersebut, konsep moral dan etika menurut acuan Malaysia seharusnya berpaksikan kepada ajaran agama. Nilai-nilai moral tidak seharusnya dipisahkan dengan nilai-nilai agama. Bahkan nilai-nilai moral perlu disandarkan pada nilai-nilai agama (Rosnani 1997 & Noor Shakirah 2005). Al-Attas (2001) menegaskan bahawa etika dan moral berasal dari kesedaran beragama dan pengalaman keagamaan sejagat. Nilai-nilai murni seperti hikmah, keberanian, kesederhanaan dan keadilan tidak akan dapat diperaktiskan pada tahap tinggi jika dibangunkan atas semata-mata atas sosial atau falsafah peribadi atau prosedur undang-undang dan birokrasi

pentadbiran. Oleh itu, institusi undang-undang, moral dan agama perlu dilihat secara sepadau dan saling kait mengait. Undang-undang dan peraturan harus bersandarkan hukum moral, hukum moral pula bersandarkan agama. Gagasan ini selari dengan pandangan Nik Azis (2005) yang mencadangkan supaya prinsip kepercayaan kepada Tuhan dijadikan ibu segala nilai yang memayungi nilai-nilai yang lain. Malahan tiada suatu nilai pun yang boleh menyanggahi nilai teras tersebut. Sebagai contoh nilai hak kebebasan bersuara seharusnya difahami dalam konteks nilai kepercayaan kepada Tuhan. Menggunakan hak kebebasan bersuara untuk menghina kepercayaan agama, menabur fitnah atau mencaci maki orang lain adalah bertentangan dengan nilai-nilai moral. Di samping itu, kerangka tersebut juga seharusnya menjadikan agama Islam sebagai sumber rujukan paling utama sesuai dengan kedudukannya sebagai agama rasmi negara. Justeru, mana-mana nilai yang bercanggah dengan prinsip kepercayaan kepada Tuhan atau nilai-nilai kesejagatian Islam seharusnya ditolak dan tidak sesuai dengan warganegara Malaysia.

Berdasarkan kepada premis di atas, nilai kepercayaan kepada Tuhan yang juga menjadi nilai yang pertama diajar di sekolah rendah dan menengah sekarang perlu dilanjutkan di peringkat IPT tetapi perbincangan mengenainya perlu dibuat secara lebih mendalam menurut konsep kepercayaan agama masing-masing. Ini bermakna prinsip asas ajaran agama yang membentuk kepada nilai kepercayaan kepada Tuhan perlu dibincang secara terbuka kepada para pelajar. Ia sangat penting supaya nilai agama menjadi asas kepada pegangan nilai-nilai murni yang lain. Nilai-nilai agama inilah yang dikatakan sebagai nilai-nilai abadi dan mutlak yang akan bertindak sebagai pemandu dalam memahami nilai-nilai yang lain. Jika perlu, penerangan nilai-nilai yang lain juga boleh dibuat berdasarkan perspektif agama masing-masing. Tindakan ini jika dilaksanakan dengan betul dan tepat akan mengayakan lagi perspektif pelajar dan menggalakkan toleransi dalam mengamalkan agama masing-masing. Penghayatan moral dan etika yang berlandaskan nilai ketuhanan dan akal yang sihat dilihat lebih berkemampuan dalam mengawal tingkah laku manusia berbanding dengan moral dan etika yang hanya berlapikkan asas-asas rasional dan nurani yang gersang dengan nilai keagamaan.

Walau bagaimanapun, dalam merealisasikan nilai teras tersebut, terdapat beberapa elemen yang perlu diawasi agar perlaksanaannya tidak diselewengkan. Antaranya ialah terdapatnya sesetengah pihak yang cuba menanam benih-benih nilai kebebasan yang bersumberkan faham liberalisme yang dicampurgaulkan dan akhirnya membentuk konsep pluralisme agama (Anis Malik, 2005). Ajaran ini menyatakan bahawa semua agama adalah sama. Implikasinya ialah prinsip-prinsip asas semua agama akan melebur dan akhirnya semua agama akan bersatu dan membentuk agama yang baharu. Nilai dan kefahaman seperti ini tidak akan membantu mengukuhkan nilai-nilai moral warganegara Malaysia malahan akan merosak dan membingungkan umat manusia. Ia

bercanggah dengan nilai-nilai Islam dan tidak seharusnya diberi tempat dalam kerangka falsafah moral dan etika acuan Malaysia. Konsep toleransi agama yang diterima dalam kerangka acuan Malaysia ialah setiap individu bebas mengamalkan kepercayaan agama masing-masing tanpa meratakan atau memaksa nilai kebenaran agamanya kepada kepercayaan pihak lain.

Di samping itu, falsafah moral dan etika menurut acuan Malaysia perlu mengambil kira himpunan nilai dan tradisi yang dikongsi bersama oleh masyarakat majmuk. Penerimaan nilai tersebut tidak pula menafikan nilai-nilai kemanusiaan sejahtera yang dijunjung oleh semua umat manusia. Bahkan nilai-nilai asing dari peradaban Barat dan Timur turut boleh diterima jika ia bersesuaian dengan kerangka yang dinyatakan tadi. Walau bagaimanapun, nilai-nilai tersebut seharusnya diolah semula supaya nilai yang tersurat dan tersirat di dalamnya juga dapat disesuaikan dengan acuan tersebut. Sebagai contoh, nilai hak kebebasan asasi manusia yang diterima tidak lagi dalam konotasi yang difahami dalam konteks Barat. Sememangnya Barat dan Timur sama-sama mengiktiraf kepentingan hak kebebasan asasi manusia. Namun setiapnya meletakkan nilai tersebut di tempat yang berbeza mengikut kerangka nilai falsafah masing-masing. Barat terlalu mengagungkan nilai tersebut sehingga menjadikan nilai keindividuan berada pada tempat yang sangat tinggi. Manakala Timur pula meletakkan nilai tersebut dalam kerangka agama dan kepercayaan kepada Tuhan serta diimbangi dengan nilai kemasyarakatan. Nilai kebebasan sebagai hak asasi manusia tidak seharusnya bercanggah dengan nilai kesopanan dan kesusilaan yang dijunjung tinggi dalam tradisi masyarakat Timur. Perbuatan yang bercanggah dengan agama, tatasusila dan norma masyarakat tidak harus dibenarkan walaupun ia dianggap oleh sesetengah pihak sebagai hak kebebasan mereka seperti bercium di khalayak ramai, menukar jantina dan seumpamanya.

## TINJAUAN PERLAKSANAAN PENDIDIKAN MORAL MASA KINI

Dalam konteks Malaysia, Pendidikan moral sebagai satu mata pelajaran formal ditawarkan hanya kepada pelajar bukan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah. Manakala pelajar Islam pula mempelajari nilai-nilai moral atau lebih tepat nilai-nilai akhlak terpuji dalam matapelajaran Pendidikan Islam. Pendekatan dan olahan kedua-duanya adalah berbeza. Kandungan Pendidikan Moral adalah himpunan nilai-nilai murni yang telah dipilih dan dikelompokkan mengikut bidang-bidang tertentu iaitu tujuh bidang untuk peringkat menengah dan lima bidang untuk peringkat rendah. Kaedah penyusunannya menggunakan pendekatan spiral di mana pembelajaran dan nilainya adalah sama tetapi skop dan penekanan isi pelajaran adalah berbeza selaras dengan keperluan dan kematangan murid.<sup>4</sup> Di peringkat pengajian tinggi, konsep yang sama digunakan khususnya di IPTS. Sebagai satu subjek wajib teras, semua pelajar

bukan Islam diwajibkan untuk mengambil subjek tersebut. Persembahan kandungannya berbeza dengan sebelumnya. Kandungannya meliputi definisi dan konsep nilai, pelbagai teori moral dari perspektif Barat yang berpaksikan kepada pemikiran manusia, nilai-nilai murni dari pelbagai agama, konsep insan bermoral, penyelesaian konflik moral dan isu-isu moral.<sup>5</sup> Di IPTA konsep pemisahan ini tidak digunakan lagi. Pendidikan nilai diserapkan secara tersirat dalam pelbagai kursus seperti TITAS dan Hubungan Etnik. Menurut Noor Banu (2008), terdapat empat IPTA yang menawarkan program Pendidikan Moral untuk melahirkan bakal guru yang akan mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah rendah dan menengah. Secara umum, kandungan kurikulumnya meliputi beberapa subbidang iaitu falsafah, psikologi, sosiologi dan kenegaraan.

Menyemak semula keseluruhan kandungan Pendidikan Moral di pelbagai peringkat pendidikan, penulis berpandangan bahawa kandungan tersebut masih belum memadai untuk memberi suatu gambaran yang jelas tentang konsep insan bermoral menurut acuan Malaysia yang seharusnya diamalkan oleh seluruh warganegaranya. Pandangan tersebut dibuat berdasarkan hujah-hujah berikut. Pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah dibekalkan dengan sekelompok nilai-nilai murni yang sudah pun dipilih dan ditetapkan. Namun pemilihan nilai tersebut tidak dijustifikasi dan pelajar semacam dipaksa untuk menerima tanpa sebarang kritikan seolah-olah himpunan nilai tersebut sudah sempurna. Pelajar di peringkat IPT pula didedahkan dengan pelbagai konsep, dimensi dan teori moral dan kemudiannya dibiarkan untuk membuat kesimpulan sendiri berdasarkan kefahaman dan pemikiran masing-masing tanpa satu panduan yang jelas tentang perspektif moral dan etika yang seharusnya diamalkan. Pendekatan ini agak terbuka dan menjadikan pendidikan nilai bersifat relatif (faham kenisbian). Memberi kebebasan kepada pelajar untuk meneroka dan membina konsep moral dan insan bermoral tanpa bimbingan yang memadai dibimbangi akan mengelirukan pelajar dan menggagalkan objektif yang disasarkan.

Abdul Rahman Arof (1999) adalah antara tokoh tempatan yang cuba menawarkan konsep insan bermoral lalui penerangan tiga struktur berikut iaitu kandungan, bentuk dan dimensi. Kandungan adalah merujuk kepada peraturan masyarakat dan sifat peribadi mulia. Beliau telah mengemukakan beberapa hujah dengan mengutip pelbagai pandangan tokoh-tokoh dari Barat untuk menyokong pandangannya. Bentuk etika pula adalah merujuk kepada pemilihan pendekatan etika berprinsip – bukan etika situasional – apabila berhadapan dengan situasi sukar atau dilema moral. Prinsip yang dipilih ialah keadilan dan kepedulian. Manakala dimensi moral pula merujuk kepada tiga dimensi berikut iaitu pentaakulan, perlakuan dan perasaan. Ketiga-tiga dimensi tersebut perlu dilihat secara menyeluruh dan saling berkaitan.

Model konsep insan bermoral berdasarkan pandangan Abdul Rahman Arof (1999) mempunyai beberapa kelebihan dan kelemahan. Penulis dengan rendah diri mengemukakan beberapa kritikan terhadap model tersebut dengan tujuan untuk memantapkannya lagi sebagaimana berikut:

1. Konsep insan bermoral tersebut khususnya bahagian kandungan tidak langsung merujuk kepada kerangka agama secara khusus. Peraturan masyarakat dan sifat peribadi mulia yang tidak bersandarkan agama tidak mempunyai kekuatan dalaman yang hebat. Dalam konteks Malaysia, ia semacam mengabaikan aspek ketuhanan dan tidak mengambil kira tiga sumber penting dalam Kerangka Falsafah Moral dan Etika sebelumnya iaitu Rukun Negara, Prinsip Masyarakat Islam Hadhari dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
2. Bentuk kepada konsep insan bermoral belum sempurna khususnya bagi menghadapi situasi konflik nilai atau dilema moral. Penulis bersetuju dengan bentuk etika berprinsip dengan dua nilai utama yang dikemukakan iaitu keadilan dan kedulian. Namun gandingan keduanya masih belum berupaya membentuk suatu model moral yang komprehensif jika ia tidak disandarkan kepada rujukan agama atau nilai ketuhanan. Beberapa prinsip yang sangat penting juga tidak dimasukkan. Bentuk moral yang sempurna perlu diwakili oleh beberapa prinsip fundamental atau ibu nilai. Ibu nilai dan prinsip fundamental tersebut perlu disandarkan kepada konsep agama sebagai sumber kekuatan yang tertinggi. Dengan kata lain, prinsip asas dan ibu nilai perlu lahir dari bekas agama. Kalau tidak, nilai keadilan dan kedulian akan dimanipulasikan untuk kepentingan tertentu yang sempit dan mempunyai pintu belakang. Prinsip nawaitu yang bersih dan nilai kemanfaatan juga perlu diambil kira dengan melihat prinsip kebaikan seharusnya merata dan mengalir kepada umat manusia seramai mungkin tanpa mengabaikan beberapa aspek lain.
3. Dimensi yang dinyatakan juga tidak lengkap kerana mengabaikan aspek rohani. Dimensi emosi atau perasaan tidak sama dengan dimensi spiritual. Ari Ginanjar (2001) menyatakan bahawa dimensi spiritual lebih berpengaruh dan lebih murni berbanding dengan dimensi emosi kerana ia berpaksikan suara hati manusia yang terdalam. Suaranya biarpun kadang-kadang tidak begitu jelas tetapi memberi impak yang paling hebat kepada diri manusia. Ibu nilai seharusnya lahir dari dimensi rohani yang kemudiannya disokong oleh dimensi pentaakulan dan perasaan yang akhirnya terzahir dalam bentuk amalan.

Meyakini tentang betapa pentingnya konsep insan bermoral menurut acuan Malaysia dan terangsang dengan percubaan Abdul Rahman Arof, penulis cuba untuk menggarap semula konsep insan bermoral menurut acuan Malaysia. Penulis dengan penuh sedar mengakui bahawa percubaan

ini jauh daripada sempurna. Namun ia tidak bermakna kita perlu berhenti untuk terus berfikir bagi membina satu kerangka atau model konsep insan bermoral yang sesuai dan boleh diterima pakai oleh semua warganegara Malaysia.

## **CADANGAN KONSEP INSAN BERMORAL MENURUT ACUAN MALAYSIA**

Pembinaan konsep insan bermoral menurut acuan Malaysia seharusnya mengambil kira sekurang-kurangnya tiga komponen besar berikut:


1. Agama-agama utama Malaysia dengan menjadikan Islam sebagai teras.
2. Falsafah moral dan etika menurut acuan Malaysia.
3. Konsep insan bersepadu.

Ketiga-tiga komponen tersebut kemudiannya akan membentuk kandungan, bentuk dan dimensi konsep insan bermoral. Asas pertama pembinaan konsep insan bermoral menurut acuan Malaysia ialah keperluan dan keyakinan terhadap agama. Agama adalah asas yang membentuk isi kandungan dan sekali gus bentuk moral seseorang manusia. Tanpa asas agama yang kukuh, kandungan dan bentuk moral akan menjadi kabur.

Kandungan asas moral perlu bermula dengan ajaran dan peraturan agama. Ajaran agama mengandungi kebijaksanaan abadi yang terbukti berkesan dan mampu mengurus kehidupan manusia sejak zaman berzaman secara teratur dan sistematik. Pencapaian status insan moral pada peringkat tertinggi perlu melibatkan keyakinan yang mendalam dan teguh kepada Tuhan Semesta Alam, Yang Kekal Abadi, Yang Maha Mengetahui, Yang Maha Berkuasa dan Maha Adil. Tuhan inilah yang akan mengadili dan menghukumi seseorang sama ada mengurniakannya dengan kebaikan atau memberi balasan suatu masa kelak. Kepercayaan ini menembusi hati dan pemikiran manusia di semua peringkat kehidupan pada bila-bila masa dan di sebarang tempat. Al-Attas secara konsisten menegaskan bahawa kewujudan persamaan dari segi ajaran etika dan moral agama-agama besar (khususnya di Malaysia) boleh dijadikan asas yang kukuh untuk membina negara walaupun terdapat perbezaan dari segi teologi dan perkara berkaitan dengan hari pembalasan. Kesepakatan yang berasaskan etika-agama jauh lebih berkesan dalam konteks melahirkan insan yang bermoral jika dibandingkan dengan kesepakatan dari sudut sosial-politik kepartaian. Pertimbangan terhadap isu-isu moral yang kritikal dan kompleks tidak akan lengkap jika perbincangan mengenainya dilakukan secara terpisah dengan ajaran agama. Walau bagaimanapun tidak dinafikan juga bahawa sejarah telah merakamkan bahawa banyak kerosakan dilakukan manusia dengan menggunakan (baca memanipulasikan) agama untuk memenuhi


keperluan atau agenda tertentu atau cita-rasa individu, kaum, kumpulan, parti-parti politik, negara dan kepentingan ekonomi. Di samping itu, sumber-sumber lain turut boleh diterima pakai mengikut kesesuaian seperti peraturan dan norma masyarakat serta sifat peribadi mulia. Hujah mengapa kedua-duanya diterima tidak perlu diulang kerana ia telah dibincangkan secara memadai oleh Abdul Rahman Arof (1999). Apa yang penting ialah kandungan dari kedua-dua sumber tersebut tidak seharusnya bercanggah dengan ajaran asas agama.

Kandungan semata-mata belum memadai jika tidak diiringi dengan bentuk yang terkandung di dalamnya prinsip-prinsip penting yang membentuk sarang atau kerangka kepada kandungan konsep insan bermoral itu sendiri. Bahkan secara realitinya, kandungan dan bentuk adalah dua perkara yang saling tidak terpisah. Tidak wujud kandungan tanpa bentuk dan demikian juga sebaliknya. Kandungan yang baik dikawal selia oleh suatu himpunan prinsip-prinsip yang jelas dan harmoni. Tanpa prinsip yang jelas, kandungan akan menjadi statik atau lepas bebas dan tidak berupaya menangani kepelbagaiannya dinamika nilai dan segala macam persoalan kehidupan. Dalam konteks ini, pemilihan prinsip yang akan memberi bentuk kepada kandungan kepada konsep insan bermoral menurut acuan Malaysia seharusnya mendokong kerangka falsafah moral dan etika yang telah dibincangkan sebelumnya. Berdasarkan kerangka falsafah tersebut, penulis mencadangkan supaya empat prinsip berikut diambil kira iaitu niat yang bersih, penyempurnaan hak dan tanggungjawab, keadilan dan kebaikan, serta kemanfaatan. Keempat-empat prinsip ini diaplikasikan secara bersepadu dan harmoni di semua peringkat keadaan iaitu sebelum bermula sesuatu, proses keberlangsungan dan impak selepasnya. Sebagai contoh, niat yang bersih perlu kekal sebelum berlakunya sesuatu peristiwa atau keadaan, semasa proses sedang berlakunya dan selepas memperoleh natijahnya. Demikian juga kepada baki prinsip yang lain. Keempat-empat prinsip ini bagaimanapun tidak akan sempurna jika tidak diletakkan dalam kerangka nilai keagamaan atau nilai kepercayaan kepada Tuhan. Prinsip asas atau ibu nilai ini perlu disandarkan kepada konsep agama yang memiliki sumber kekuatan moral tertinggi. Tanpa nilai agama, semua prinsip yang disusun akan dapat dijustifikasi dan dimanipulasikan dengan begitu mudah demi kepentingan pihak tertentu dengan alasan yang tertentu. Kandungan dan bentuk insan bermoral boleh digambarkan sebagaimana Rajah 2.



**Rajah 2** Gambaran kandungan dan bentuk bagi konsep insan bermoral

Kandungan dan bentuk mewakili nilai moral. Nilai moral ini tidak akan memberi apa-apa makna jika ia wujud secara terpisah dengan manusia sedangkan manusialah yang memberikan nilai, menyusun kandungan dan membina bentuknya. Kefahaman kandungan dan bentuk insan bermoral akan menjadi lebih jelas apabila konsep insan bersepadu digunakan. Insan adalah satu makhluk yang sangat unik kerana sifatnya yang *dual nature* iaitu dimensi rohani dan jasadi (Al-Attas, 1978). Dari sudut yang lain, insan secara perorangannya boleh dilihat dari empat dimensi berikut iaitu fizikal, intelek, emosi dan rohani. Setiap dimensi ini saling berhubungan dan mempengaruhi antara satu sama lain. Konsep insan bersepadu bermula dari dimensi rohani dan kemudiannya bergerak ke dimensi pentaakulan (pemikiran) dan emosi (perasaan) dan akhirnya terzahir dalam bentuk amalan. Amalan ini kemudianya diulang-ulang sehingga nilai tersebut meresap masuk dan sebatи dalam kehidupan seseorang. Tindak-tanduknya tidak lagi memerlukan proses pentaakulan yang aktif dan berlaku secara automatik kerana telah dibudayakan kecuali apabila berhadapan dengan keadaan tertentu seperti konflik nilai. Dimensi insan bersepadu boleh digambarkan sebagaimana Rajah 3.



**Rajah 3** Gambaran konsep insan bersepadu

Konsep insan moral acuan Malaysia seperti dijelaskan menjadikan setiap warganegara Malaysia kembali kepada ajaran agama masing-masing dan berpegang teguh dengannya. Pada masa yang sama, turut mengambil manfaat dari kekuatan norma masyarakat yang berbilang budaya dan bangsa serta kekuatan sifat peribadi insan yang fitrah. Dalam menghadapi cabaran kehidupan yang semakin kompleks khususnya pertembungan nilai yang mungkin berlaku, empat prinsip utama yang kesemuanya merentas semua ajaran agama boleh dijadikan panduan yang bermanfaat. Perubahan dan penghayatan nilai bermula dengan dimensi rohani atau nurani manusia yang terdalam yang kemudiannya tercerita dalam pemikiran yang sihat dan perasaan yang terbimbang. Oleh yang demikian, semua amalan yang dizahirkan adalah tulen dan akan terulang-ulang secara mudah. Konsep yang dikemukakan ini sangat akomodatif dengan pelbagai konsep insan yang dikemukakan oleh pelbagai pihak seperti konsep insan kamil (perspektif Ibnu Arabi), konsep insan beradab (Al-Attas), konsep *self-actualization* (Abrahan Maslow dan Carl Rogers) dan lain-lain.

## IMPLIKASI CADANGAN

Pendekatan ini memberi impak supaya tiada lagi pemisahan dibuat antara pelajar Islam dan bukan Islam dalam konteks pendidikan nilai khususnya dalam menghayati konsep insan bermoral di Malaysia. Semua pelajar perlu mengetahui dan memahami konsep asas ajaran agama masing-masing dan

menghormati keyakinan dan pendirian kerohanian orang lain. Konsep yang ditawarkan ini akan menjadi lebih bermakna sekiranya ia mampu dikaitkan (baca seharusnya disepadukan) dengan kandungan dari pelbagai kursus atau mata pelajaran yang ditawarkan. Ini akan menjadikan konsep tersebut sentiasa hidup dalam sistem pendidikan. Keupayaan pensyarah dan pelajar membuat perkaitan antara konsep tersebut dengan bidang pengkhususan masing-masing akan dapat mengukuhkan lagi prinsip yang dicadangkan. Demikian juga nilai-nilai lain yang mungkin timbul natijah dari perkaitan dengan prinsip sebelumnya akan menjadikan perbincangan lebih menarik, mendalam dan kritis sesuai dengan tahap pengajian tinggi yang dikuti.

Dengan lain perkataan, konsep insan moral beracuan Malaysia seharusnya merentas kurikulum atau sistem pendidikan. Perlaksanaan Pendidikan Moral tidak seharusnya terbatas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah semata-mata. Bilik kuliah mungkin mampu menghasilkan kefahaman yang tepat dan analisis yang mendalam tentang sesuatu isu moral. Namun penghayatan nilai-nilai murni akan lebih mudah direalisasikan menerusi interaksi sosial yang bermakna. Idea dan kefahaman perlu dibungkus dengan aktiviti dan kegiatan yang bersesuaian untuk melahirkan empat dimensi moral iaitu kerohanian, penaakulan, emosi dan perbuatan dan bukannya dilakukan secara terpisah-pisah.

Konsep ini juga memberi implikasi kepada penawaran kursus pendidikan nilai atau pendidikan moral di Malaysia supaya tidak terlalu terikat dengan suasana sistem pendidikan semasa yang berorientasikan peperiksaan. Konsep insan bermoral acuan Malaysia memerlukan penilaian untuk mengukur tahap keberkesanannya tetapi bentuk dan pelaksanaannya seharusnya mengukur tahap peningkatan penghayatannya dalam kehidupan sehari-hari pelajar. Penilaianya akan menjadi lebih efektif jika pendekatan yang digunakan bersifat bersifat mesra pelajar, membina (islah) dan bukannya menghukum, memotivasi dan bukannya melemahkan, mengiktiraf dan bukannya mengaibkan. Pelajar-pelajar mungkin perlu dibekalkan dengan borang senarai semak nilai-nilai asas yang perlu dihayati oleh setiap mahasiswa berdasarkan konsep insan moral yang dicadangkan sebelumnya dan perlu diisi secara berterusan oleh dirinya sendiri secara jujur sambil disemak oleh rakan-rakan. Pelbagai kaedah lain seharusnya diteroka ke arah melahirkan pembelajaran yang berorientasikan pembangunan individu secara bersepadu, seimbang dan realistik (Muhammad Amanullah, 2004). Antara strategi yang boleh dilakukan ialah mewujudkan sistem penilaian yang melibatkan pelbagai pihak seperti pensyarah, rakan sebaya dan jiran tetangga untuk memberi penilaian secara berterusan terhadap pelajar. Mungkin sudah tiba masanya penilaian berasaskan rakan dan masyarakat boleh diperkenalkan untuk memberi peluang kepada rakan-taulan dan komuniti masyarakat berkenaan memainkan peranan dalam sistem pendidikan di IPT.

Untuk melaksanakan semua perkara di atas, Pendidikan Moral di semua peringkat pengajian memerlukan pensyarah atau guru yang berwibawa dari sudut keilmuan dan keperibadiannya. Para pendidik seharusnya mampu mempamerkan konsep insan moral bermula di dalam dirinya dan berupaya menjadimodel yang unggul kepada pelajar dan bukannya setakat berkemampuan untuk menghuraikannya dengan baik. Penekanan yang berlebihan kepada kaedah mengajar belum menjamin keberkesanan pembentukan konsep insan bermoral. Di samping itu, satu lagi cabaran besar yang perlu dihadapi dalam merealisasikan konsep insan moral di semua peringkat pengajian ialah keupayaan untuk membina satu suasana dan budaya penghayatan yang tulen. Kedua-dua permasalahan ini perlu diberi perhatian jika kita benar-benar serius dalam membuat anjakan demi untuk melihat konsep insan bermoral menurut acuan Malaysia dapat dijayakan

## KESIMPULAN

Gagasan yang dikemukakan hanyalah satu usaha yang sederhana untuk memantapkan lagi sistem pendidikan nilai di IPT. Untuk mencipta satu kejayaan yang besar dalam sistem pendidikan semasa, kita tidak perlu meniru kerangka falsafah, model atau konsep orang lain walaupun kita mungkin perlu mengadaptasi sesetengah daripadanya yang dilihat bersesuaian. Bangsa yang tidak mempunyai nilai dan jati diri yang kukuh akan menjadi mangsa kepada bangsa lain yang sentiasa berusaha untuk mengembangkan nilai-nilai mereka. Pendek kata, bangsa yang mempunyai nilai yang mantap akan menguasai bangsa yang tidak mempercayai nilai dan tradisinya sendiri. Gagasan ini diharap akan dapat dijadikan sebagai rangsangan atau cetusan awal untuk usaha selanjutnya.

### Nota Hujung

- <sup>1</sup> Sabda Rasulullah: ﷺ yang bermaksud: Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Hadith sahih yang diriwayatkan oleh Malik, Ahmad, Hakim, Al-Tabrani dan Bukhari dalam “Al-Adab al-Mufrad” daripada Abu Hurairah
- <sup>2</sup> Akta 1996 Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Artikel 43(1)(b) & (c), mengatakan “Semua institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah mengajar mata pelajaran berikut: (a) pengajian Malaysia; (b) pengajian yang berhubungan dengan pengajaran agama Islam bagi pelajar yang menganut agama Islam; dan (c) pendidikan moral bagi pelajar bukan Islam. (2) Mata pelajaran yang disebut dalam perenggan (1) (a) hingga (c) hendaklah diajar sebagai tambahan kepada mata pelajaran atau kursus pengajian lain yang diajarkan di institusi pendidikan tinggi swasta. (3) Dalam hal pelajar yang merupakan warganegara Malaysia, kelulusan dalam mata pelajaran yang dinyatakan dalam (1) (a) hingga (c), pada tahap yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang disebut dalam seksyen 39, hendaklah menjadi pra-syarat bagi penganugerahan sijil, diploma atau ijazah institusi pendidikan tinggi swasta.

- <sup>3</sup> Pendekatan Islam Hadhari mendapat banyak kritikan khususnya dari sudut menyandarkan istilah hadhari pada nama Islam. Istilah tersebut telah menimbulkan kekeliruan tentang kesyumulan dan kesempurnaan ajaran Islam (Abdul Hadi Awang, 2005). Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa cadangan telah dikemukakan untuk mengubah suai pengistilahan tersebut seperti Prinsip Hadhari (Tajul Ariffin, 2007) dan Masyarakat Islam Hadhari (Wan Mohd Nor, 2006). Kertas kerja ini menerima pakai konsep Prinsip Masyarakat Islam Hadhari sebagaimana yang dicadangkan oleh Wan Mohd Nor dalam bukunya Masyarakat Islam Hadhari. Suatu tinjauan epistemologi dan kependidikan ke arah penyatuan pemikiran bangsa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <sup>4</sup> Sila rujuk sukatan dan huraian kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). Pendidikan Moral Sekolah Rendah dan Menengah Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <sup>5</sup> Sila rujuk LAN. (1998). Sukatan pelajaran Bahasa Kebangsaan dan mata pelajaran wajib IPTS. Ed. pertama. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

## Bibliografi

- Abdul Rahim Abd. Rashid. (1993). *Pendidikan nilai merentas kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Rahman Abdullah. (2002). *Falsafah dan kaedah pemikiran*. Kuala Lumpur Utusan Publication Sdn Bhd.
- Abdul Rahman Md. Aroff. (1999). *Pendidikan moral*. Serdang: UPM.
- Ari Ginanjar Agustian. (2001). *ESQ*. Jakarta: Arga Publishing
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1978). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2001). *Prolegomena to the metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Barchallow, E. (1994). *Moral philosophy*. Belmont: Wadsworth Publishing Co.
- Frankena, W.K. (1973). *Ethics*. New Jersey: Prentice Hall.
- Ibnu Khaldun. (2006). *Mukaddimah*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anis Malik Thoha. (2005). Trend pluralisme agama tinjauan kritis. Jakarta: Perspektif.
- Lembaga Akreditasi Negara. (1998). Sukatan Pelajaran Bahasa Kebangsaan Dan mata Pelajaran Wajib IPTS. Shah Alam: Selangor
- LAN. (1998). Sukatan pelajaran Bahasa Kebangsaan dan mata pelajaran wajib IPTS. Ed. pertama. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Yusuf Hasan. (2003). *Pemikiran saintifik – SPB4L*. Kuala Lumpur: Longman.
- Mohd Yusuf Hasan. (2004). *Pembinaan paradigma pemikiran peradaban Melayu*. Tanjong Malim: Institut Peradaban Melayu UPSI.
- Muhammad Amanullah. (2004). Evaluation of the undergraduate curriculum of the department of fiqh and usul al-fiqh of the International Islamic University Malaysia. *Muslim Education Quarterly* 21(3&4): 28-38.
- Musak Mantrak. (1997). Falsafah Nilai Dalam Konteks Membina Ummah Menurut Acuan Malaysia. Kertas kerja Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Moral dan Nlai dalam Pembangunan Manusia. Fakulti Pendidikan UKM, 27 – 9 Ogos.
- Nik Azis Nik Pa. (1994). *Penghayatan Pembangunan Wawasan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nik Azis Nik Pa. (2005). Pengembangan nilai-nilai murni dalam pendidikan: satu penilaian kritis. Kertas kerja tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

- Noor Banu Mahadir. (2008). Program ijazah Sarjana Muda Pendidikan Moral: satu kajian dari persepsi pelajar. Tanjong Malim: UPSI. Kajian yang tidak diterbitkan.
- Noor Shakirah Mat Akhir. (2005). Falsafah pembinaan akhlak dan kod etika dalam Islam. Kertas kerja Seminar Islam Hadhari Kefahaman tentang keutuhan moral, 13 – 14 April 2005, IKIM
- Rosnani Hashim. (1997). Ke Arah Perindustrian Negara Islam Berasaskan Moral dan Nilai. Kertas kerja Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Moral dan Nilai dalam Pembangunan Manusia. Fakulti Pendidikan UKM, 27 – 9 Ogos.
- Tajul Ariffin Noordin. (1990). *Pendidikan: Suatu Pemikiran Semula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Thiroux, J. (1998). *Ethics; theory and practice*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2000). Sikap bertanggungjawab dari sudut agama, sejarah dan pendidikan. *Pemikir*. Okt-Dis, hlm. 15-43.